

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI JOHOR BAHRU
DI NEGERI JOHOR MALAYSIA
TUNTUTAN NO: TTPM-J-(P)-482-2024

ANTARA

RAVANDARAN A/L MUNUSAMY

Pihak Yang Menuntut

DAN

MULIA MOTOR CORPORATION SDN BHD
65578-X

Pihak Penentang

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Dalam kes ini, award Borang 10 diberikan selepas pendengaran dimana tuntutan Pihak Yang Menuntut (selepas ini dipanggil PYM) ditolak.

FAKTA KES

[2] PYM telah menfailkan Borang 1 bagi tuntutan sebanyak RM26,320.00 atas pembelian sebuah kenderaan Toyota Vellfire VMK9594 (selepas ini dirujuk sebagai kenderaan tersebut). PYM mendakwa mahukan kenderaan pacuan hadapan, tetapi diberikan model pacuan empat roda oleh Pihak Penentang (selepas ini dirujuk sebagai PP).

[3] PYM melampirkan resit-resit pembayaran, gambar hadapan kenderaan tersebut dan sesalinan tangkaplayar applikasi WhatsApp komunikasi dengan Miki Saw. Tiada dokumen-dokumen lain dan/atau saksi-saksi yang dikemukakan oleh PYM.

[4] PP menfailkan Borang 2 dan telah diwakili oleh Lee Eu Gin, dan melampirkan :

- (i) Lampiran A – 2 gambar bahagian speedometer dan odometer yang mempunyai paparan digital Vellfire 4WD dan 4WD Control di tengah;

- (ii) Lampiran B – gambar bahagian speedometer dan odometer yang mempunyai paparan digital Vellfire di tengah;
- (iii) Lampiran C – borang tempahan, borang serahan dan laporan pemeriksaan sewa beli;
- (iv) Lampiran D – panduan harga nilai kastam fob kenderaan cbu import terpakai untuk pemegang ap terbuka bil 3-2024
- (v) Lampiran E – data spesifikasi Toyota Vellfire antara pacuan hadapan dan pacuan empat roda

[5] PYM semasa perbincangan menyatakan bahawa amaun tuntutan adalah bersamaan dengan bayaran deposit kenderaan tersebut. Baki pembayaran adalah dengan menggunakan pinjaman bank iaitu sebanyak RM210,000.00. PYM menjelaskan yang beliau menerima kenderaan tersebut pada 5 Jun 2024, dan mula membuat aduan kepada PP pada 19 Jun 2024.

[6] PYM menambah bahawa semasa membeli, pilihan dibuat berdasarkan warna dan tahun kenderaan dibuat. PYM mendakwa tidak tahu kenderaan tersebut adalah pacuan empat roda dan bukan pacuan hadapan, dan juga mendakwa jurujual wanita semasa itu juga tidak tahu kenderaan tersebut adalah pacuan empat roda atau pacuan hadapan.

[7] PYM mengatakan telah memeriksa kenderaan tersebut sebelum membeli. PYM mengatakan tiada pandu uji dibuat, hanya hidupkan enjin dan tengok-tengok kenderaan tersebut sahaja. PP memaklumkan bahawa PYM telah datang tengok kenderaan tersebut sebanyak 2 kali pada 26 Mei 2024, hidupkan enjin dan melihat luaran kenderaan, dan ini diakui PYM.

[8] PP menjelaskan bahawa sesiapa pun boleh mengetahui kenderaan tersebut adalah pacuan empat roda apabila enjin dihidupkan kerana akan tertera Vellfire 4WD dan kemudian 4WD control beserta gambar keempat-empat tayar. PP menegaskan PYM pasti tahu kerana pernah periksa kenderaan tersebut dan menghidupkan enjin sebelum ini.

[9] PP juga menjelaskan bahawa paparan Vellfire 4WD ini hanya muncul pada kenderaan Toyota Vellfire pacuan empat roda sahaja dan tiada pada model pacuan hadapan.

[10] PYM tidak mengemukakan apa-apa penjelasan mahupun bukti bagi menyokong tuntutananya selain mengulangi bahawa penggunaan pacuan empat roda adalah memakan belanja yang tinggi dan kebimbangan berkaitan harga jualan semula.

UNDANG-UNDANG

[11] Tribunal berpendapat PYM gagal membuktikan tuntutananya. Alasan kenderaan tersebut adalah pacuan empat roda yang dikemukakan boleh dianggap sebagai pemikiran terkemudian (afterthought), dan berdasarkan keterangan PYM sendiri, asas kepada pemilihan kenderaan tersebut adalah warna dan tahun kenderaan tersebut dibuat.

Seksyen 101 dan 103 Akta Keterangan 1950

BEBAN MEMBUKTIKAN

101. (1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang, dengan bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.

(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

MISALAN

(a) A berhasrat supaya mahkamah memberikan penghakiman supaya B dihukum kerana suatu jenayah yang dikatakan oleh A telah dilakukan oleh B. A mesti membuktikan bahawa B telah melakukan jenayah itu.

(b) A berhasrat supaya mahkamah memberikan penghakiman bahawa dia berhak ke atas tanah tertentu yang ada dalam milikan B atas sebab fakta yang ditegaskan oleh A sebagai benar tetapi dinafikan oleh B. A mesti membuktikan kewujudan fakta itu. Pada siapa terletaknya beban membuktikan

102. Beban membuktikan dalam sesuatu guaman atau prosiding terletak pada orang yang akan gagal jika tiada apa-apa keterangan langsung diberikan oleh mana-mana pihak

MISALAN

(a) A mendakwa B untuk mendapatkan tanah yang ada dalam milikan B dan yang, sebagaimana yang ditegaskan oleh A, telah diberikan kepada A menurut wasiat C, iaitu bapa B. Jika tiada keterangan diberikan oleh mana-mana pihak, B akan berhak memilikinya. Oleh yang demikian beban membuktikan terletak pada A.

(b) A mendakwa B untuk mendapatkan wang yang kena dibayar atas suatu bon.

Penyempurnaan bon itu diakui, tetapi B berkata bahawa penyempurnaan bon itu telah didapati secara fraud yang dinafikan oleh A. Jika tiada keterangan diberikan oleh mana-mana pihak A akan berjaya oleh sebab bon itu tidak dipertikaikan dan fraud itu tidak terbukti. Oleh yang demikian, beban membuktikan terletak pada B. Beban membuktikan tentang fakta tertentu

103. Beban membuktikan tentang apa-apa fakta tertentu terletak pada orang yang berkehendakkan mahkamah mempercayai tentang kewujudan fakta itu, melainkan jika diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bahawa bukti mengenai fakta itu terletak pada mana-mana orang tertentu.

MISALAN

(a) A mendakwa B kerana mencuri dan berhasrat supaya mahkamah mempercayai bahawa B telah mengaku kepada C yang dia telah mencuri. A mestilah membuktikan pengakuan itu.

(b) B berhasrat supaya mahkamah mempercayai bahawa pada masa yang berkenaan itu dia berada di suatu tempat lain. Dia mesti membuktikannya.

[12] Berdasarkan kes **Tenaga Nasional Bhd v Perwaja Steel Sdn Bhd**, dimana **Hakim Low Hop Bing J** menyatakan di dalam penghakimannya seperti berikut :-

“Under Section 101(1) of the Evidence Act 1950, whoever desires the court to give judgment as to any legal right or liability dependent on the existence of facts which he asserts must prove that those facts exist, in other words, the plaintiff must prove such facts as the plaintiff desires the Court to give judgment as to its right claim against the defendant or the defendant’s liability to pay the plaintiff. The burden of proof is on the plaintiff : Section 101 (2). in order to succeed here, the plaintiff must prove its claim affirmatively”

[13] PYM tidaklah dikehendaki membuktikan tuntutanannya secara ketat sebagaimana dalam Mahkamah sebenar, tetapi apa yang dikemukakan oleh PYM adalah memadai bagi tujuan pembuktian di Tribunal ini, dan apa yang dikemukakan boleh diterima oleh Tribunal ini.

[14] Tribunal juga merujuk kepada kes **Badan Pengurusan Plaza DNP v. Ong Kow Meng [2012] 1 LNS 1198, Mahkamah Tinggi Johor Bahru** iaitu **Yang Arif Vernon Ong** telah memutuskan iaitu: -

In law, the party who desires the court to give judgment as to any legal right or liability bears the burden of proof (s 101(1) Evidence Act 1950). The burden of proof is on that party is twofold: *(i) the burden of establishing a case; and (ii) the burden of introducing evidence. The burden of proof lies on the party throughout the trial. The standard of proof required of the SP1 is on the balance of probabilities. The evidential burden of proof is only shifted to the other party once that party has discharged its burden of proof. If that party fails to discharge the original burden of proof, then the other party need not adduce any evidence. In this respect it is the SP1 who must establish its case.*

[15] Dalam kes **Wasal Construction Sdn Bhd v. Boh Huat Chan Timber Products Sdn Bhd [2014] 4 MLRA 482** :

(1) It was incumbent on the plaintiff to show all the invoices that were issued to the defendant. The burden was on the plaintiff to prove its claim. Following that, based on the legal proposition that the production of a statement of account per se was not evidence of the sum owing, the plaintiff had to prove that the sum owing was stated in their statement of account.

[16] PP juga menggalas beban pembuktian yang sama, dan prinsip undang-undang yang sama terpakai, apabila mereka menafikan tuntutan PYM atau mengetengahkan apa-apa fakta. Dalam hal ini, Borang 2 dan keterangan PP adalah kemas dan teratur serta tidak dapat dipertikaikan oleh PYM, selain mempunyai logik, konsistensi dan kebolehpercayaan yang tinggi.

[17] Tribunal berpendapat bahawa tuntutan PYM adalah lemah dan tidak mempunyai sokongan, baik dari segi dokumen, mahupun saksi.

KEPUTUSAN

[18] Setelah menilai kesemua kertas kausa dan dokumen-dokumen yang dimasukkan sebagai eksibit, serta keterangan-keterangan PYM dan PP, **Borang 10** telah dikeluarkan dibawah **Peraturan 23 (5), P.U. (A) 479/99 Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Tribunal Tuntutan Pengguna) 1999** oleh Tribunal ini menolak tuntutan PYM.

[19] Alasan-alasan keputusan ini adalah seperti berikut :

- (i) PYM tidak melampirkan bukti-bukti yang mencukupi dan tiada saksi dikemukakan berkaitan tiada pengetahuan bahawa kenderaan tersebut adalah pacuan empat roda;
- (ii) Fakta-fakta jelas menunjukkan bahawa kenderaan tersebut adalah pacuan empat roda dan berdasarkan keterangan, tiada cubaan dilihat oleh PP atau wakilnya untuk menutup mana-mana maklumat tersebut;
- (iii) Keterangan PYM sendiri yang mengakui memilih kenderaan tersebut berdasarkan warna dan tahun diperbuat.

[20] Berdasarkan kesemua dapatan ini, tuntutan PYM ditolak.

Bertarikh 8 September 2024

HAFEZ BIN ZALKAPLI
PRESIDEN
TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA